

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

25hb. Jun 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1971¹

Sharat Bahasa Melayu untuk lantikan ka-jawatan
Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dan Sharat
Peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan bagi jawatan
Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas.

Ada-lah di-ma'alumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan ia-itu sharat lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa Melayu di-peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut, untuk lantikan dan sharat lulus peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan untuk di-sahkan dalam jawatan bagi jawatan2 Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas ada-lah di-longgarkan seperti di-huraikan di-bawah ini. Walau bagaimana pun pelonggaran yang di-maksudkan di-dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hanya-lah bagi jawatan2 Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang memerlukan kelulusan Ijazah (Degree) atau Diploma sebagai sharat masuk.

2. Mulai dari tarikh 13 hb April, 1971 bagi jawatan2 Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang di-maksudkan di-atas:

- (a) Sharat lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut sebagai sharat masuk ada-lah di-longgarkan. sa-saorang pemohon yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa

Melayu dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Sebarang Laut boleh di-lantek dengan syarat ia akan hanya di-sahkan di-dalam jawatan sa-telah lulus Bahasa Malaysia di peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia;

- (b) Syarat lulus peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan untuk di-sahkan dalam jawatan ada-lah di-mansokh-kan.

3. Sa-saorang pegawai:-

- (i) yang telah di-lantek sebelum 13hb April, 1971 yang di-kehendaki lulus peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan untuk di-sahkan di-dalam jawatan dan juga;
- (ii) yang telah di-lantek sabelum daripada tarikh Surat Pekeliling ini tetapi selepas daripada 12 hb. April, 1971 yang di-kehendaki lulus dalam peperiksaan Bahasa Melayu kerajaan untuk di-sahkan dalam jawatan;

1. SPP ini dibatalkan oleh [SPP Bil. 16/77](#), bertarikh 15.7.77.

- (a) ada-lah di-kechualikan daripada peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan dan boleh di-sahkan dalam jawatan pada 13hb April, 1971 atau tarikh tamat tempoh perchubaa-nnya mengikut mana yang terkemudian, jika ia sudah mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Sebarang Laut pada tarikh Surat Pekeliling ini di-keluarkan;
- (b) boleh terus mengambil peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan yang di-sharatkan atau mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia di-peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, sekira-nya ia pada tarikh Surat Pekeliling ini di-keluarkan tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia

atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Saberang Laut. Apabila lulus salah satu daripada peperiksaan tersebut, maka ia boleh di-sahkan dalam jawatan pada tarikh ia lulus peperiksaan tersebut, atau pada tarikh tempoh perchubaaan-nya tamat mengikut mana yang terkemudian dengan syarat tidak lebeh awal daripada 13hb. April, 1971.

4. Kajian sedang di-buat dengan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengadakan peratoran² dan menetapkan syarat yang perlu di-penuhi bagi membolehkan sa-saorang pegawai mengambil peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia di-perengkat Sijil Pelajaran Malaysia dan sesuatu pengumuman mengenai-nya akan di-keluarkan kelak.

5. Ada-lah di-tegaskan bahawa tarikh kuatkuasa pelonggaran ini ada-lah pada 13hb. April, 1971 dan tidak boleh di-kebelakangkan kapada satu tarikh yang lebeh awal daripada itu. Ada-lah di-tegaskan juga bahawa pelonggaran ini tidak menjejaskan syarat lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education atau lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Saberang Laut dan lulus peperiksaan Bahasa Melayu Kerajaan bagi jawatan² selain daripada jawatan² Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang di-maksudkan di-perenggan 1 di-atas.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN ZAKARIA)
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian²

Ketua Pengarah Jabatan² Persekutuan

Y.B. Setia Usaha Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat.

